

“Saya rela dibenci pelajar
dari korbannya dasar pelajaran”

Tindakan atas penghasut pelajar — Mahathir

PULAU PINANG 27 Mac —
Tindakan tegas akan diambil
terhadap golongan tertentu yang
cuba memesongkan perhatian pa-
ra pelajar dan manasiswa
universiti negeri ini dari pelajaran
mereka, Dr. Mahathir
Mohammad memberi amaran.

Kegiatan golongan tersebut
menurut beliau dengan secara
tidak disedari adalah bererti
menghalang dasar kerajaan untuk
mengembangkan taraf pelajaran
dan seterusnya ekonomi antara
Bumiputera dan bukan
Bumiputera.

“Di pihak kerajaan ia akan
bertindak tegas terhadap mereka
yang cuba menyekat dasar
pelajaran negara ini, baik pun
mereka itu dari golongan pelajar
sendiri.”

Berucap dalam satu perjum-
paan dengan para pemimpin
UMNO Pulau Pinang di sini
malam tadi, Menteri Pelajaran
dukacita dengan sikap penuntut-
penuntut yaysan tinggi yang
membiarkan diri mereka diperalat

Oleh MAHATHIR HAKIM

oleh golongan itu.

Malahan golongan tersebut
beliau mendedahkan telah berjaya
mengujudkan barisan kader-ka-
der mereka di kalangan murid-
murid sekolah menengah dalam
negara ini.

Marah-marah

Dr. Mahathir tidak nampak
bagaimana penuntut-penuntut itu
boleh menumpukan perhatian
kepada pelajaran mereka
sekiranya perasaan mereka telah
dinyalakan dengan semangat
marah-marahkan kerajaan.

“Saya katakan adalah
mustahil bagi penuntut-penuntut
itu boleh berjaya dalam pelajaran
mereka kalau mereka selalu
keluar mengadakan tunjuk-tunjuk
perasaan”, katanya.

Dalam konteks inilah kerajaan
telah mengumumkan tindakannya-
untuk menarik balik biasiswa dan
dermasiswa dari para penuntut-
yang melibatkan diri dengan
kegiatan yang akan merugikan
bangsa dan negara.

Beliau memberitahu, tindakan
kerajaan itu telah pun mendapat
bantahan ramai ibubapa, khususnya
orang-orang Melayu sendiri.

Tetapi kita perlu sedar bahawa
langkah tersebut adalah perlu
untuk memelihara bilangan yang
lebih banyak lagi dari
menghancurkan dasar kerajaan
untuk mengimbangi bilangan cer-
dik pandai antara orang
Melayu dan bukan Melayu,
tegasnya.

Dr. Mahathir mengakui
tindakan kerajaan itu telah
mengubah pandangan ramai
orang termasuk penuntut-
penuntut terhadapnya, dari
seorang yang disukai menjadi
orang yang paling dibenci.

Baginya ia rela
dipandang demikian
demi untuk tidak me-
ngorbankan cita-cita
bangsa dan negara yang
lebih besar.

Sebelum ini Menteri
Pelajaran itu mensifat-
kan gerakan penuntut-
penuntut yaysan tinggi
terhadap Menteri Besar
Selangor, Dato' Harun
Idris atas masalah
Bangi sebagai 'peristiwa
sedih'.

Ini memandangkan
betapa besar jasa dari
pengorbanan yang telah
diberikan oleh Dato'
Harun dalam menegak-
kan Universiti Kebangsa-
an dengan mempunyai
sifat-sifat nasional yang
boleh dibanggakan.

Kata Dr Mahathir,
mengikut laporan kajian
Datuk Haji Abdul Ra-
hman Yaacob, sewaktu itu
Menteri Pelajaran
'Negara, tapak Universiti
Kebangsaan hendaklah
dibuat di Kuantan, Pa-
hang.

Ini juga malahan me-
rupakan kehendak Per-
dana Menteri, Tun,
Abdul Razak.

Pemilihan tapak terse-
but bagaimanapun telah
tidak dipersetujui oleh
Dato' Harun dan saya,
yang mahukan supaya
ditegakkan dekat Kuala
Lumpur, terang beliau.

Alasannya ialah supa-
ya Universiti Kebangsa-
an nanti akan mempun-
yai kerektor nasional,
dan Dato' Harun telah
menyatakan kesanggup-
annya mengadakan ta-
nah untuknya.

Malangnya kata Dr
Mahathir jasa-jasa
Dato' Harun itu telah
diperkecilkan oleh para
penuntut universiti itu,
dan sebaliknya membuat
tuduhan yang Menteri
Besar itu terlibat dalam
rasuah \$14 juta.